



RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) MPOB

Disediakan oleh:
Anita Taib
Penyelaras AKRAB MPOB
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

1 April 2016

PENGENALAN

AKRAB adalah nama khusus yang diberikan kepada Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam seperti yang termaktub di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2005.

PENGENALAN ...sambungan

AKRAB merupakan akronim kepada perkataan :

A : Amanah,

K : Komitmen,

R : Rasional,

A : Akhlak,

B : Bestari,

iaitu ciri-ciri yang dikehendaki ada pada mereka yang telah menjadi Ahli AKRAB.

LOGO AKRAB



PEMBIMBING RAKAN SEKERJA

Pembimbing rakan sekerja adalah salah satu daripada aktiviti aplikasi psikologi dalam intervensi dalam pengurusan sumber manusia bertujuan untuk membangun dan membantu pegawai mengurus masalah secara lebih berkesan selain daripada kaunseling dan "*monitoring*".

PROGRAM PEMBIMBING RAKAN SEKERJA

- Program Pembimbing Rakan Sekerja berkonsepkan rakan membantu rakan dengan memupuk semangat berpasukan, keakraban, keharmonian dan saling menghormati potensi masing-masing.
- Ia juga merupakan pembentukan kelompok sokongan kepada pegawai yang dikenal pasti dan diketuai fasilitator yang telah dilatih untuk mengendalikan program ini.

VISI & OBJEKTIF AKRAB

- Menjadikan AKRAB sebagai penggerak pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia.
- Menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri.

MISI AKRAB

- Misi AKRAB melaksanakan aktiviti khidmat membimbing kepada warga MPOB.
- Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan kehidupan.
- Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan sumber manusia di agensi bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB.

MATLAMAT AKRAB

Matlamat AKRAB adalah :

- berkongsi ilmu dan pengetahuan,
- sokongan padu pada perubahan,
- budaya kerja berpasukan,
- memperkuatkan semangat,
- berkongsi permasalahan,
- meneguhkan perubahan.

BAGAIMANA AKRAB MEMAINKAN PERANAN

AKRAB memainkan peranan dengan memahami :

- pengaruh rakan sekerja yang memainkan peranan penting dalam kehidupan individu.
- bahawa individu lebih selesa untuk berbincang soal kehidupan dengan rakan sebaya yang lebih faham.
- bahawa pertolongan rakan sebaya lebih diambil kira dan ia berlaku secara sukarela jika rakan sebaya menggunakan teknik membimbing yang berkesan.
- peri pentingnya hubungan kemanusiaan dan persaudaraan dalam organisasi dapat mewujudkan suasana harmoni.

KEPERLUAN AKRAB DALAM ORGANISASI

Keperluan AKRAB dalam organisasi adalah:

- kesedaran mengenai **KEBAJIKAN** dan **KEPERLUAN SOKONGAN** dalam aspek **PSIKOLOGI** individu dalam organisasi.
- kesedaran dalam melihat kepentingan hubungan **INTERPERSONAL** dan kemahiran **KOMUNIKASI** berkesan untuk kesejahteraan organisasi.
- keadaan struktur organisasi melihat kepada penekanan aspek **KESEJAHTERAAN MINDA** dan **PERSEDIAAN UNTUK BERUBAH** amat diperlukan dalam organisasi.

AHLI AKRAB

- Ahli AKRAB MPOB telah ditauliahkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setelah berjaya mengikuti kursus asas kaunseling Tahap I dan Tahap II serta lulus di dalam ujian.
- MPOB mempunyai seramai 53 orang ahli AKRAB yang bertauliah dari Kumpulan Pengurusan & Profesional dan kumpulan Pelaksana dan mempunyai wakil dari setiap bahagian di MPOB.

*Sekian,
terima kasih*